



INTERNATIONAL JOURNAL OF
MODERN TRENDS IN
SOCIAL SCIENCES
(IJMTSS)
www.ijmtss.com



KONSEP PENDIDIKAN CINTA DALAM ISLAM

LOVE EDUCATION CONCEPT IN ISLAM

Syahrizal¹, Tengku Sarina Aini Tengku Kasim^{2*}.

¹ Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya (UM), Malaysia.

Email: syahrizal@um.edu.my

² Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya (UM), Malaysia

Email: tgsarina@um.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 18.10.2020

Revised date: 25.10.2020

Accepted date: 29.11.2020

Published date: 03.12.2020

To cite this document:

Syahrizal., & Kasim, T. S. A. T. (2020). Konsep Pendidikan Cinta dalam Islam. *International Journal of Modern Trends in Social Sciences*, 3 (14), 102-115.

DOI: 10.35631/IJMTSS.314009

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Pendidikan merupakan aspek yang sangat penting dalam kehidupan manusia. Islam memandang pendidikan sebagai media untuk menjadikan manusia agar memiliki nilai-nilai Islam dalam dirinya dan mengamalkannya dalam setiap perilakunya. Akan tetapi pendidikan dewasa ini lebih diorientasikan kepada usaha untuk melahirkan pekerja yang memiliki intelektual dan keahlian dalam segala bidang, akibatnya nilai (values) yang merupakan intipati utama dalam proses pendidikan terabai begitu sahaja. Akibat daripada itu terjadilah berbagai-bagai masalah sosial serta keganasan dalam kalangan remaja seperti seks bebas, hamil di luar nikah, pembuangan bayi, hilang tumpuan dalam pembelajaran, bunuh diri dan pembunuhan. Diantara puncanya yang didapati oleh sebahagian penyelidik adalah kerana pemahaman dan pengamalan cinta yang salah dalam kalangan remaja. Oleh itu, artikel ini bertujuan untuk membincangkan bagaimana konsep pendidikan cinta yang sebenar menurut Islam. Kajian ini dapat memberi kefahaman bagi peserta didik akan cinta yang sebenar. Penulis mendapati bahawa konsep pendidikan cinta dalam Islam harus memenuhi tiga prinsip utama iaitu pertama; Tauhid, pengakuan atas realiti Tuhan Yang Maha Esa dan mengabdikan dirinya hanya kepada Allah SWT sahaja. Kedua; Nubuwah iaitu seluruh pengabdian hamba kepada Allah SWT menepati cara yang ditunjukkan NabiNya. Ketiga; Pasrah bahawa seluruh pengabdian itu dilakukan hanya mengharapkan keredaanNya sahaja. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa pendidikan cinta dalam kajian pendidikan Islam dapat dijumpai melalui pendidikan akidah, agama Islam dan akhlak.

Kata Kunci:

Cinta Remaja, Pendidikan Cinta dan Islam

Abstract:

Education is the most important aspect of human life. Islam views education as a media to make human beings possess Islamic values in itself and practice it in every behavior. However, education today is more oriented to efforts to produce employees with intellectual and expertise in all fields. As a result, the values which are the main essence in the process of education are neglected. Consequent has occurred in various social problems and violence among teenagers such as free sex, nonmarital pregnancy, abortion, lack of concentration in learning, suicide, and murder. Among the causes found by some researchers is the misunderstanding and practice of love among teenagers. Therefore, this article aims to discuss how the concept of true love education according to Islam. This study can provide an understanding of learners about true love. This study can provide students with an understanding of true love. The author finds that the concept of love education in Islam must fulfill three main principles. First; tawhid, recognition of the reality of God Almighty and devoting himself to Allah SWT only. Second; nubuwwah is all the devotion of a servant to Allah SWT in accordance with the way shown by His Prophet. Third; Surrender that all the devotion is done only expecting His pleasure. Therefore, it can be concluded that love education in the study of Islamic education can be found through faith education, Islam, and morality.

Keywords:

Love, Teenager, Education Of Love and Islam

Pendahuluan

Cinta adalah kekuatan jiwa, anugerah daripada Allah yang maha kasih sayang. Kehadirannya, menjadikan seorang ibu rela menyabung nyawanya demi melahirkan anak yang dikandunginya selama sembilan bulan, serta sanggup mengorbankan masa tidur untuk menyusui dan membesarkan anaknya. Cinta pula, menjadikan ramai manusia rela berkorban jiwa, raga dan harta demi yang dicintai. Tidak diragukan lagi akan kuasa cinta dalam mewarnai kehidupan ini. Seorang sufi daripada Persia Jalāl ad-Dīn Muhammad Rūmī (1273) pernah menuturkan sebuah syair “*Andai kata tidak ada cinta, maka alam ini tidak lagi mempesona, kicauan burung tidak lagi merdu, panorama alam tidak lagi indah, bahkan dunia akan membeku tanpa makna*” (Ni’am, 2001).

Socrates Menurut sebuah penelitian McClelland (1986) membuktikan tentang kuasa cinta. Menurutnya melalui apa yang disebut “efek ibu Teresa” iaitu dengan hanya melihat video dokumentari Ibu Teresa yang penuh kasih sayang melayani orang sakit, dapat memberi kesembuhan kepada pesakit lain yang terkena infeksi virus seperti selesema. Larry Dossey (1996) juga mengungkapkan bahawa cinta mempunyai kekuatan untuk mempengaruhi aktiviti tubuh secara fizikal, cinta dengan kasih yang lemah lembut dan penuh pengertian dapat menjadi unsur yang berharga dalam penyembuhan. Hal ini diperjelas oleh pernyataan Socrates yang mengatakan bahawa cinta adalah penolong manusia yang paling baik (Fink, 2017).

Berkenaan dengan pentingnya peranan cinta dalam pendidikan pula sejumlah ahli falsafah dan tokoh pendidikan seperti Plato, Sigmund Freud, Bell Hooks, Freire, sehinggalah ke Peter McLaren telah mencadangkan dalam penulisannya tentang pelbagai idea dan gagasan tentang cinta dalam pendidikan dan sebahagian mereka mendapati bahawa melibatkan kasih sayang dalam bilik kelas atau dalam komuniti lainnya telah menjadikan para pelajar menjadi lebih baik dan berkembang (Freire, 1972; Love & Love, 1996; Lampert, 2003). Wacana tentang

kepentingan cinta atas pendidikan ini terus dikaji dalam pelbagai artikel dan juga buku-buku falsafah pendidikan, seperti: “*The Art of Love in the Classroom: A Defense of Affective Pedagogy*” (Patience, 2008), “*Love as Pedagogy*” (Loreman, 2011), “*Pedagogical Love and Good Teacherhood*” (Maatta & Uusiautti, 2013) dan “*Love-based Practice in Education*” (Uusiautti et al., 2013). Kesemua cadangan mereka menunjukkan pentingnya cinta menjadi teras pendidikan.

Daripada pelbagai karya dan kajian di atas, menunjukkan bahawa cinta dan pendidikan tidak dapat dipisahkan. Oleh itu, perbincangan cinta dalam pendidikan boleh dikatakan cukup mendapat perhatian daripada para ahli dan penyelidik. Namun dalam aspek pengajarannya, cinta belum cukup mendapatkan perhatian oleh sebahagian kalangan akademik. Hal ini juga diakui oleh penyelidik sebelumnya bahawa mereka mendapati sedikitnya teks pendidikan yang memperkenalkan cinta dalam pengajaran untuk kepelbagaian dan keadaan sosial (Adams & Bell, 2016). Menurut pengkaji, ketika ini lebih banyak perbincangan tentang idea dan strategi perubahan sosial dan transformasi ilmu pengetahuan, jika dibandingkan dengan teks-teks pengajaran cinta, yang semakin dipinggirkan dalam dunia pendidikan. Para sarjana seolah lebih memilih untuk mengkaji keganasan dan penindasan yang dilakukan manusia ke atas manusia dan makhluk lainnya, berbanding menyerap cinta ke dalam konteks ruang kelas dan pengamalan dalam kehidupan.

Kenyataan di atas di antaranya disebabkan oleh minimumnya perbincangan terhadap tema pembelajaran, pengajaran dan pendidikan cinta. Selain itu ia juga disebabkan oleh tidak adanya standardisasi atas konsep dan makna cinta itu sendiri. Di Barat misalnya, cinta difahami sebagai bentuk kasih sayang, keluarga, atau bersifat seksual (Brooks, 2017). Implikasi daripada fahaman ini adalah membawa impak terhadap perilaku masyarakat mereka dan sudah menjadi lumrah suasana di sana, sekiranya saling mencintai, mereka bebas melakukan seks kepada orang yang dicintainya. Tidak hairan jika kadar aktiviti seks dan kehamilan dalam kalangan remaja di Barat mengalami peningkatan setiap harinya. Itulah salah satu sebab mengapa pendidikan seks dijalankan di sekolah-sekolah Barat seperti Amerika. Hal ini bertujuan bagi mengurangi perilaku seks bebas dan kehamilan dalam kalangan remaja (Furstenberg Jr et al., 1985).

Fahaman cinta seperti Barat ini juga berkembang dalam kalangan remaja Muslim. Terdapat para remaja Muslim yang demi cinta rela menyerahkan kehormatan diri dan berbagai impak negatif lainnya seperti mengandung angkara teman lelaki, *date rape*, pembuangan bayi, remaja lari dari rumah kerana mengikut teman lelaki, pergaduhan sehingga meninggal dunia, perebutan teman wanita dan bersekedudukan walaupun belum bernikah. Daripada aspek akademik pula, beberapa kajian terdahulu juga menunjukkan bahawa remaja yang jatuh pada amalan cinta berahi dan seksual menyebabkan lalai, kurang fokus dan menurunnya prestasi akademik (Kamsan, 2004; Shamsuddin, 2005; Hamzah, 2006). Kenyataan ini memberikan sedikit gambaran kepada penulis bahawa pentingnya pendidikan dalam kehidupan cinta remaja. Cadangan ini juga disampaikan oleh Othman, Ahmad, Othman dan Muda (2016) dalam penyelidikan mereka bahawa pentingnya pendidikan dalam usaha memberi kesedaran kepada remaja akan hakikat bercinta yang sebenar dan seterusnya menurut mereka pendidikan boleh menghindarkan para remaja terjebak kepada cinta berahi dan seksual.

Berdasarkan fakta dan analisis kajian terdahulu, penulis menyusun bagaimana konsep pendidikan cinta dalam Islam yang menepati tuntutan Al-Quran dan Sunnah. Semoga pendidikan cinta lebih dapat difahami dan diamalkan dalam dunia pendidikan dan dirasai

faedahnya. Ini adalah penting agar setiap individu hari ini dapat terhindar daripada perpecahan dalam keluarga, keruntuhan akhlak, ketandusan kasih sayang dan cinta, sama ada dalam konteks rumah tangga, tempat kerja, komuniti, masyarakat mahupun Negara.

Tujuan Pendidikan dalam Islam

Pendidikan merupakan aspek yang sangat penting dalam kehidupan manusia. Islam memandang pendidikan sebagai usaha untuk menjadikan manusia agar memiliki nilai-nilai Islam dalam dirinya dan mengamalkannya dalam setiap perilakunya. Sebagaimana menurut Syed M Naquib Al-Attas bahawa tujuan pendidikan dalam Islam adalah menciptakan manusia-manusia yang baik dan soleh yang menyembah Tuhan dengan sebenar-benarnya, membangun struktur kehidupan dunianya sesuai dengan hukum Islam demi terwujudnya Iman (al-Attas, 1979). Oleh itu, menjaga iman di antara salah satu matlamat utama pendidikan dalam Islam, kerana aspek batiniah ini menentukan baik buruknya aspek lahiriah. Muhammad Iqbal mengungkapkan bahawa sebuah pendidikan jika hanya bertujuan pada aspek lahiriah sahaja seperti yang dilakukan oleh Barat, maka pendidikan itu hanya akan membentuk manusia yang condong kepada materialisme, memiliki intelektual tinggi tapi tidak memiliki hati nurani (Iqbal, 2013). Inilah di antara alasan mengapa aspek batiniah menjadi fokus utama penulisan ini. Menurut Al-Attas, iman adalah matlamat utama dari seluruh rangkaian dan proses pendidikan. Segala jenis pendidikan yang diajarkan, iman harus menjadi semangat utama pendidikan itu, sehingga Iman akan menjadikan sesuatu itu bernilai untuk kebaikan dunia dan akhirat.

Namun persoalannya adalah bagaimana mewujudkan iman yang sah, yang kemudian akan berimpak kepada amal yang salih dan menghasilkan produktiviti yang tinggi, seterusnya dapat menegakkan kembali kegemilangan peradaban ummat Islam. Semua itu harus bermula daripada institusi hati, kerana hati merupakan asas daripada setiap proses tingkah laku manusia. Sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Nu'man bin Basyir bahawa Rasulullah SAW bersabda:

وإن في الجسد مضغة إذا صلحت صلح الجسد كله وإذا فسدت فسد الجسد كله ألا وهي القلب

(Bukhari, sahih, Kitab al-Iman, Bab *Fadhl Man Istabra' li Dinih*, No. Hadis 52)

“Dan sesungguhnya di dalam satu jasad ada seketul daging. Jika ia baik, maka baiklah seluruh anggota dan jika rosak maka rosaklah seluruh anggota. Ketahuilah, ia adalah hati.”

Ibn Rajab Hanbali berpendapat akan hadis ini, sebagaimana yang dipetik oleh Mushtaq (2006) bahawa hati diumpamakan seperti raja kepada seluruh anggota badan iaitu tentera yang patuh dan taat. Sekiranya raja itu seorang yang baik akhlaknya, maka kesemua tenteranya juga berakhlak baik. Namun, sekiranya raja itu buruk akhlaknya, maka kesemua tenteranya juga akan berakhlak buruk. Kerosakan hati ini yang akan menyebabkan penyakit jasad dan penyakit jiwa (Mushtaq, 2006). Hal senada juga disampaikan oleh al-Ghazali bahawa hati diumpamakan seperti raja, badan laksana seluruh wilayah, akal sebagai perdana menteri, syahwat sebagai gabenor wilayah, amarah adalah musuh, sedangkan anggota badan baik zahir dan batin ibarat para tentera raja (Al-Ghazali, 2016). Kesemua ini menunjukkan bahawa hati memiliki fungsi penting dalam diri manusia.

Demikian pentingnya hati bagi segenap tubuh badan manusia. Di sanalah bersemayam berbagai kuasa yang seperti nama dan fungsinya disebutkan dalam al-Quran: *al-qalb*; ia adalah tempat iman bersemayam. Ia juga disebut *alsyaghaf* iaitu tempat cinta, *habat al-qalb*; sebagai tempat cinta dan kebenaran, *al-fuad*; dapat memelihara kebenaran, *al-sadr*; tempat Islam, *al-Suwaida* tempat ilmu agama dan *muhjat al-qalb*; yang merupakan manifestasi sifat-sifat Allah (Darwīš, 1974). Dari pelbagai fungsi tersebut, jelaslah bahawa hati memiliki kuasa yang sangat signifikan dalam menentukan baik dan buruk tingkah laku manusia. Oleh itu, agar semua fungsi hati ini dapat berjalan sesuai dengan fitrahnya, yang dapat mengatur dan menilai benar salahnya perasaan, niat, angan-angan, pemikiran, hasrat, sikap dan tindakan, maka segala fungsi hati tersebut harus juga menjadi objektif dan kurikulum dalam pendidikan Islam. Dalam hal ini Muhammad Iqbal (1877-1938) menawarkan satu formula yang harus ada dalam kurikulum pendidikan Islam iaitu cinta. Menurutnya cinta dapat mengatasi segala-galanya. Cinta yang dimaksudkan adalah cinta (manusia) kepada Tuhannya, bukan cinta jasmani atau pencarian mistik yang samar-samar dan sia-sia sahaja (Munir, 2017). Oleh itu, jelaslah daripada mana pendidikan itu dimulai.

Memandangkan keadaan ummat Islam hari ini, di mana-mana terjadi peperangan, pembunuhan, kemerosotan ekonomi, ghairah keagamaan yang menurun dan toleransi antara manusia yang semakin berpecah belah. Tidak hanya itu, hal yang menyedihkan juga terjadi dalam kalangan pemuda Islam seperti kerosakan moral, seks bebas, pembuangan bayi, hilang tumpuan dalam pembelajaran, bunuh diri dan pembunuhan. Persoalan ini apabila dikaji ternyata sangat mengejutkan bahawa di antara puncanya disebabkan oleh pemahaman cinta yang salah (Shamsuddin, 2005; Hamzah, 2006; Talib, Yunos, & Yaacob, 2009; Zahrin, Osman, & Idris, 2016). Daripada ini jelas terbukti apa yang menjadi punca dan penyelesaiannya.

Dari kesedaran akan realiti ini, dapat disimpulkan bahawa pendidikan Islam harus menampung setiap masalah sezaman yang dihadapi ummat Islam hari ini. Islam sebagai agama *rahmat lil 'alamin* menjadi penggerak utama dalam mengajarkan pemahaman cinta yang sebenar dan yang selari dengan Al-Quran dan Hadis. Cinta yang diajarkan hendaklah bukan hanya setakat wawasan ilmu pengetahuan semata-mata, tetapi harus juga mengajarkan bagaimana mengaplikasikannya sehingga ia terwujud dalam amal perbuatan seperti yang dikehendaki oleh Allah kepada manusia iaitu menjadi khalifah sebagai wakil tuhan dalam kempen kasih sayangNya bagi seluruh alam.

Cinta dalam Islam

Seorang penyair pernah berkata "*love is so blind*" (cinta begitu buta). Berdasarkan kepada gejala yang ditimbulkan, bahawa cinta membawa satu isu yang sangat penting. Pepatah melayu mengatakan "*tak kenal maka tak sayang, tak sayang makanya tak cinta*". Cinta yang cuba dibincangkan dalam sudut akal budi manusia sentiasa membawa perbezaan. Kadar nilainya (value) berdasarkan kepada konsep nilai yang difahami oleh setiap individu. Oleh itu, tidak hairan jika nama dan makna cinta sentiasa berbeza-beza mengikut setiap tradisi dan budaya manusia. Dalam tradisi Yunani kuno "cinta" dikenal dengan istilah *Agape* (cinta ilahi), *Philia* (cinta persahabatan) dan *Eros* (cinta berahi) kemudian ada juga dengan kata *Xenia* (cinta tamu) (Jenkins, 2017). Dalam budaya lain pula seperti Asia ada menyebut cinta dengan kata *Ren*, *Kama*, *Bhakti*, *Mettā*, *Ishq*, *Chesed* (Nygren, 1953, Liddell & Scott, 2007). Manakala dalam Islam, cinta juga memiliki berbagai sebutan di antaranya "*hubb*", "*mahabbah*" dan "*ishq*". Kata "*hubb*" dan "*mahabbah*" berasal daripada akar kata "*حَبِبٌ*". Sedangkan kata "*ishq*" lebih banyak dijumpai dalam tradisi sufi Persia seperti Farid al-Din Attar (d.617/1220) dan Jalal al-Din Rumi (d.627/1273) (Lumbard, 2007). Di antara kata-kata tersebut Al-Quran lebih memilih

kata “*hub*” dalam menunjukkan soal cinta iaitu sebanyak 93 kali, walaupun dengan berbagai bentuk perubahan katanya (al-Baqi, 2001). Ibnu 'Ajibah (2013) memberi makna kata “*al-hubb*” di dalam kitab tafsirnya sebagai “*kecenderungan hati kepada yang di cintai*”.

Dari sudut definisi pula, ada pelbagai tokoh dalam Islam yang cuba untuk mendefinisikan cinta di antaranya seperti yang dikutip oleh Ja'far (2016) dalam bukunya “Gerbang Tasawuf Dimensi Teoritis dan Praktis Ajaran Sufi”: 1) Menurut Junaid al-Baghdadi, cinta adalah masuknya sifat-sifat kekasih pada sifat-sifat yang mencintai. 2) Menurut Muhammad bin 'Ali al-Kattani, cinta mengutamakan yang dicintainya. 3) Menurut Husain al-Manshur al-Hallaj, hakikat cinta itu jika seseorang berdiri bersama kekasihnya dengan menanggalkan sifat-sifatnya. 4) Menurut Muhammad bin al-Fadh al-Farawi, Cinta itu adalah runtuhnya semua cinta dalam hati kecuali kepada kekasih. Keterangan cinta daripada ahli tasawuf ini menunjukkan cinta yang mengandungi nilai-nilai transenden dan mengabaikan nilai-nilai keegoan manusia dalam dirinya. Syed Muhammad Iqbal (1915) pula menganggap cinta sebagai asas *khallaqiyah* atau prinsip kreatif yang meliputi segala sesuatu yang hidup di dalam semesta dan diri manusia (Iqbal & Nicholson, 1950). Berbeza dengan Ibn Arabi (d. 1165/1240), baginya cinta adalah sebuah pengetahuan yang tidak boleh didefinisikan, ia adalah sebuah pengetahuan yang mesti dirasakan ('Arabī, 1994). Walaupun wujud perbezaan dalam definisi cinta, konsep dan pemahaman yang sebenar mengenai cinta harus dibincangkan, agar ia lebih mudah untuk difahami dan diamalkan.

Sejarah mencatat bahawa istilah (term) cinta dalam Islam sudah dikenali sejak abad ke 8 melalui para sufi seperti Rabi'atul Adawiyah (Munhanif, 2001). Kemudian *term* cinta itu terus berkembang sehingga zaman kejayaan Islam. Ramai cendekiawan Islam yang telah menulis tentang risalah cinta, seperti Ibnu Sina (1037) yang pernah menulis risalah dengan tajuk “*A Treatise on Love*” (Avicenne, 1943). Kemudian dari Persia seperti Farīd al-Dīn 'Attār (w. 1221). Begitu juga para ahli teologi seperti Ibn Taymiyya (wafat 1328), Ibn Qayyim al-Jawziyya (1350), Muhammad al-Ghazali (1111) dan Ibn Dabbāgh (1296) yang telah melahirkan karya tentang “*Cinta Ilahi dalam Mistisisme Islam*” (Abrahamov, 2013) dan Ibnu al-'Arabi, yang boleh dikatakan sebagai seorang ahli teori cinta Muslim yang terkemuka (Abrahamov 2009).

Daripada perbincangan para ahli falsafah, sufi dan ahli teologi Islam di atas, cinta lebih banyak dibincangkan dalam aspek ketuhanan. Mereka biasanya memetik ayat-ayat Al-Quran yang sarat dengan pelbagai nasihat bagi menegaskan ajaran-ajaran yang terkandung di dalamnya. Mereka meyakini Allah sahaja sang pemilik cinta, daripadanya dan akan kembali kepadanya. Oleh itu, untuk memahami cinta dan bagaimana pengajaran cinta dalam Islam adalah dengan kembali kepada apa yang telah diturunkan Allah kepada NabiNya iaitu Al-Quran dan al-Sunnah.

Al-Quran dan Hadis adalah sebuah sumber autentik yang menjadi rujukan utama bagi umat Islam. Al-Quran bukan sekadar kitab yang berisikan informasi hukum, etika dan teologi, tetapi ia juga merupakan kitab cinta. Daripada Al-Quran seseorang itu mengetahui tentang erti dan tujuan daripada kehidupan ini. Melalui Al-Quran juga seseorang itu diberitahu bahawa hanya Allah sahaja yang maha kuasa dan tiada seorang pun yang mampu menandinginya (42:11). Hal ini juga tersirat dalam 99 namaNya (Al-Asma Al-Husna), di mana kesemua nama itu menggambarkan kekuasaanNya yang tiada batas. Daripada 99 nama tersebut, terdapat satu nama yang mewakili dari cinta kasihnya iaitu *Al-Wadud* yang bererti yang maha mencintai (*the loving*). Maka jelaslah bahawa, atas kasih sayangNya, manusia hari ini dapat menikmati

keindahan ciptaanNya. Atas cinta kasihNya diutusNya pula para nabi kepada umatNya. Khazanah kasih sayangNya yang tiada batas, mengalir seperti dalam sifatNya yang *baqa* (kekal). Itu juga yang menjadi alasan mengapa cinta itu menjadi ciri-ciri yang penting dalam kehidupan manusia, yang kisah dan sejarahnya tidak pernah usai dan terus berulang serta menjadi topik yang selalu hangat dibincangkan.

Cinta Ilahi (*Divine Love*)

Dialah Allah yang Maha Kasih Sayang. Kewujudan manusia dan alam raya ini merupakan daripada sifatNya yang maha Mencintai. Al-Quran menyebutnya dengan nama "*al-Wadud*" yang bererti "yang maha mencintai". Selain nama itu, Al-Quran menyebutnya "*ar-Rahman*" (Yang Maha Belas Kasih) dan "*ar-Rahim*" (Yang Maha Penyayang)". Al-Quran menjadikan kasih sayangNya menjadi sifat yang paling asas daripada Allah SWT seperti disebutkan dalam Al-Quran "*Serulah nama "Allah" atau nama "Ar-Rahman", yang mana sahaja kamu serukan (dari kedua-dua nama itu adalah baik belaka); kerana Allah mempunyai banyak nama-nama yang baik serta mulia*" (17:10). Allah menjadikan rahmat dan kasih sayangNya lebih utama daripada sifat kemurkaanNya. Hal ini dijelaskan dalam sebuah hadis Qudsi yang amat popular "*Sesungguhnya rahmat-Ku lebih mengalahkan kemurkaan-Ku.*" (HR. Bukhari no. 7404) pada riwayat yang lain Nabi pun berkata "*Sungguh Allah lebih sayang kepada hamba-hamba-Nya daripada seorang ibu kepada anaknya*" (HR. Bukhari dan Muslim). Al-Quran juga menegaskan "*Tidak ada sesiapa pun di langit dan di bumi melainkan ia akan datang kepada (Allah) Ar-Rahman, sebagai hamba*" (19:93). Al-Quran mengesahkan tentang tafsiran ini bahawa rahmat Allah meliputi tiap-tiap sesuatu (7:156). Semua yang wujud di atas alam raya ini adalah merupakan manifestasi daripada sifatNya yang Al-Wadud (yang maha mencintai). Berdasarkan keterangan ayat-ayat di atas jelas bahawa cinta merupakan satu kesatuan dalam diri tuhan. Seperti juga disebutkan oleh Daylamī, Bell, & Shafie (2005) bahawa Dialah Allah yang Maha mencintai, dicintai dan cinta itu sendiri atau dalam perspektif hadis disebutkan "*Dialah Allah Maha Indah dan mencintai keindahan*" (HR. Bukhari No.91).

Di antara tanda cinta dan keindahanNya itu, Allah menciptakan manusia dengan sebaik-baik bentuk ciptaan seperti disebutkan dalam surah At-Tin (95:4) "*Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya (dan berkelengkapan sesuai dengan keadaannya)*" dan Allah juga beri penghormatan kepada bani Adam (anak cucu Adam) seperti disebut dalam ayat "*Kemudian Ia menyempurnakan kejadiannya, serta meniupkan padanya: roh ciptaanNya. Dan Ia mengurniakan kepada kamu pendengaran dan penglihatan serta hati (akal fikiran), (supaya kamu bersyukur, tetapi) amatlah sedikit kamu bersyukur*" (32:33) dan dalam ayat lain Allah SWT menyebutkan "*Dan sesungguhnya Kami telah memuliakan anak-anak Adam; dan Kami telah beri mereka menggunakan berbagai-bagai kenderaan di darat dan di laut; dan Kami telah memberikan rezeki kepada mereka dari benda-benda yang baik-baik serta Kami telah lebihkan mereka dengan selebih-lebihnya atas banyak makhluk-makhluk yang telah Kami ciptakan*" (17:70). Menurut Said Ramadhan Al-Buthy (2009) bahawa segala keistimewaan dan penghormatanNya kepada manusia seperti yang disebutkan dalam ayat-ayat tersebut adalah kerana cinta dan kebaikan Allah SWT. Ia bukanlah hasil jerih payah manusia yang ia upayakan sendiri, bahkan cinta Allah itu akan semakin bertambah seiring kepatuhan manusia kepadaNya.

Cinta Manusia (*Human Love*)

Kemuktamadan cinta manusia kepada Allah merupakan teras bagi penghambaan diri kepadaNya. Kerana Dialah yang mutlak dicintai di atas segalanya. Penyerahan diri secara menyeluruh hanya kepadaNya. Sebagaimana Allah menggambarkan cinta itu dalam al-Quran

“..Adapun orang-orang yang beriman sangat cinta kepada Allah..”(2:165). Abdin (2004) dalam kajiannya tentang cinta dalam Islam, mengungkapkan cinta ini harus dicapai melalui kepatuhan kepada Nabi Muhammad SAW, kerana melalui pesannya supaya semua manusia mengetahui apa sahaja yang dicintai oleh Allah SWT. Hal ini selari dengan apa yang Al-Quran sebutkan “Katakanlah (wahai Muhammad): Jika benar kamu mengasihi Allah maka ikutilah daku, nescaya Allah mengasihi kamu serta mengampunkan dosa-dosa kamu. Dan (ingatlah), Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani (Qs. 3:31).

Oleh itu, memahami konsep cinta pada jenis cinta manusia (*human love*) harus dirujuk kepada praktik kenabian. Salah seorang ahli falsafah moden hari ini yang bernama Chittick (2014) menegaskan dalam kajiannya mengenai konsep cinta dalam Islam bahawa cinta dalam sudut cinta manusia (*human love*) harus memenuhi tiga prinsip dasar iaitu *tauhid, nubuwah dan pasrah* (return to the God). Prinsip *pertama* menurutnya adalah seperti yang tersirat dalam kalimat syahadah: “Tiada tuhan melainkan Allah dan Muhammad adalah utusan Allah”. Pemahaman yang jelas akan memberi implikasi kepada kehidupan manusia, bahawa tidak ada yang benar-benar tuhan melainkan Allah, tiada yang benar-benar belas kasihan (cinta) kecuali Yang Maha Pemurah. Hal ini menegaskan bahawa tiada sesuatu yang berhak seseorang cintai melainkan Allah SWT dan pengabdian hanya kepadaNya. Adapun cinta yang ditujukan kepada selainNya hanyalah bersifat *majazi* (metafora). Seperti yang disebutkan di dalam Al-Quran bahawa Allah yang telah menjadikan manusia sukakan kepada wanita, anak-anak, emas, perak, kuda, lembu dan tanah air (3:14). Oleh itu, cinta metafora adalah bagian daripada mencintai realiti yang mutlak (Chittick, 2013). Al-Quran juga menyebutkan “Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaannya dan rahmatNya (30:21), bahawa Ia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikanNya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan (30:21).

Prinsip *kedua* dalam cinta adalah *nubuwah*, bahawa Allah mendedahkan diriNya kepada manusia dengan matlamat membimbing manusia ke jalan kebaikan melalui para nabiNya (Chittick, 2014). Berkenaan dengan *nubuwah* ini sarjana Islam seperti Ibnu Sina juga menjelaskan dalam teorinya tentang pentingnya nubuwah (kenabian) untuk mengajarkan teladan kepada umat manusia (Madkur, 1988). Oleh itu, hubungan nubuwah dalam cinta adalah satu cara Allah menjelaskan tentang bagaimana cinta harus diajarkan kepada manusia. Al-Quran menyebutkan perhubungan antara kenabian dan cinta seperti dalam ayat berikut: “Katakanlah (wahai Muhammad): "Jika benar kamu mengasihi Allah maka ikutilah daku, nescaya Allah mengasihi kamu serta mengampunkan dosa-dosa kamu. Dan (ingatlah), Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani (3:31). Daripada ayat ini jelas menunjukkan bahawa cinta merupakan matlamat besar dalam Islam, sehingga misi nubuwah (kenabian) adalah bagi memberi teladan (*uswatun hasanah*) dalam membuktikan bagaimana sebenarnya cinta seorang hamba kepada Tuhannya sehingga seorang hamba itu boleh meraih cintaNya.

Mentafsirkan Surah Ali Imran ayat 31 di atas, Imam al-Thabari meriwayatkan sebab turunnya: “Dari Bakr bin al-Aswad berkata, “saya mendengar Al-Hasan berkata: “Di zaman Rasulullah SAW ada suatu kaum yang berkata: ‘wahai Muhammad, kami mencintai Rabb kami! Kemudian Allah SWT menurunkan: Katakanlah! Jika kamu (benar-benar) mencintai Allah, ikutilah aku, niscaya Allah mengasihi dan mengampuni dosa-dosamu’, Allah menjadikan ittiba’ (mengikuti sunnah) Nabi Muhammad SAW sebagai bukti cinta mereka kepada Allah dan mengazab siapa saja yang menyelisihinya.”(al-Tabari, 1992). Berdasarkan riwayat di atas disebutkan juga bahawa pembuktian cinta yang sebenar adalah dengan mengikuti (*ittiba’*) sunnah Rasulullah

SAW, kerana dialah manusia terbaik yang menjadi teladan dalam pengabdian seorang hamba kepada penciptanya.

Prinsip ketiga dalam cinta adalah pasrah kepada Allah (*Return to the God*). Ianya adalah inti utama daripada ajaran agama (Sholikhin, 2013), dalam hubungan cinta dan kepasrahan adalah ketika cinta telah dimulakan dengan berbagai amalan dalam rangka mendekati diri kepada Tuhan. Maka konsep beramal pada saat itu bukan lagi kerana takut akan neraka atau hanya menginginkan syurga, tetapi semua amalan itu dilakukan atas dasar keikhlasan dan kerinduan padaNya'. Hingga mencapai kedudukan seperti yang digambarkan dalam sebuah hadis kudi "*Hamba-Ku tidak pernah berhenti mendekat kepada-Ku melalui perbuatan baik sampai aku mencintainya, dan ketika aku mencintainya, akulah pendengaran yang dia dengar, penglihatan yang dia lihat, tangan yang dia pegang, dan kaki yang dengannya dia berjalan*". Berdasarkan ini, sangat jelaslah bahawa cinta telah mengiringi jiwa-jiwa manusia untuk mengikuti bimbingan Ilahi dan mencapai penyatuan dengan Yang Terkasih yang sejati.

Perbincangan mengenai tiga prinsip di atas jelas menunjukkan bahawa cinta harus dibingkaikan dalam kerangka pengabdian kepada Allah (tauhid). Pengabdian itu harus mengikuti cara-cara yang Allah dedahkan melalui Rasulnya (sunnah) dan atas pengabdian yang telah dilakukan. Justeru, setiap individu harus pasrah hanya kepadaNya sahaja tanpa ada maksud kecuali keranaNya semata. Berdasarkan keterangan di atas, dapatlah diketahui bahawa ajaran cinta dalam Islam dapat difahami dan diamalkan melalui tiga aspek yang dalam Pendidikan Islam dikenal dengan Iman, Islam dan Ihsan.

Konsep Pendidikan Cinta dalam Islam

Pendidikan Cinta yang paling ideal merujuk kepada konsep pendidikan cinta yang diamalkan oleh Rasulullah SAW, iaitu cinta yang menggabungkan unsur ilahiah dan menjadi semangat yang berasaskan kepada elemen kemanusiaan dan akhlak mulia terhadap semua ciptaan Allah SWT. Sebagaimana misi kenabiannya iaitu sebagai *rahmatan lil 'alamin* (kasih sayang bagi sekalian alam). Sejarah mencatat bagaimana konsep cinta yang dibawa oleh Rasulullah SAW mampu mengubah Makkah ketika itu, dari Makkah yang tidak berperadaban (*uncivilized*), menjadi Makkah yang berperadaban penuh dengan kasih sayang (*affection*), persamaan (*egalitarianism*) dan pembebasan (*liberation*).


Qorib (2018) mengungkapkan bahawa cinta yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW bersifat progresif dan jauh melampaui masanya, bahkan menurutnya amalan cinta Rasulullah SAW sudah bersifat moden kerana melingkupi semua fahaman yang terkini seperti *teosentrisme*, *antroposentrisme* dan *feminisme*. Seluruh amalan cinta daripada Rasulullah dapat dikenali melalui wahyu dan sunnah-sunnahnya. Beberapa contoh petikan daripada ayat-ayat al-Quran dan hadis yang mengandungi pengamalan cinta seperti, "*Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu dermakan sebahagian dari apa yang kamu sayangi*". (Qs. 3:92). Jika dihalusi maksud ayat tersebut bahawa cinta diekspresikan dalam usaha untuk membahagiakan kaum fakir, miskin dan tertindas. Usaha ini dilakukan dengan cara memberikan sebahagian harta yang dicintai dan disayangi sebagai sedekah. Amalan cinta Rasulullah SAW juga jelas melalui sunnahnya seperti dalam urusan pembebasan hamba, di mana Rasulullah SAW menegaskan bahawa perbezaan seseorang individu tidak boleh dilihat daripada warna kulit, Arab dan '*ajam*, kaya dan miskin, akan tetapi melalui prestasi ketakwaannya kepada Allah. Rasulullah juga menunjukkan kasih sayangnya kepada kaum perempuan iaitu dengan mengangkat status mereka, sekarang ini dikenali dalam fahaman moden iaitu *feminisme*. Mengenai interaksi manusia dengan alam, Al-

Quran juga menyebutkan bagaimana wujud cinta dalam berinteraksi dengan alam secara harmonis. Misalnya Al-Quran menjelaskan, “*Telah timbul berbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia; (timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat)*” (Q.s 30: 41). Ayat tersebut sarat dengan nasihat cinta terhadap alam. Yang bermaksud bahawa alam juga merupakan makhluk Allah dan manusia mesti mengolah, merawat dan memanfaatkannya dengan baik bukan dengan merusaknya. Tidak hanya itu, cinta yang dicontohkan Rasulullah dapat diamati dari berbagai sabda beliau kepada para sahabat seperti misalnya bahawa berbuat baik kepada setiap yang bernyawa (haiwan) mendatangkan ganjaran daripada Allah. Bahkan Rasulullah mempunyai rasa hormat yang cukup tinggi terhadap hak-hak hidup haiwan contohnya semut, yang menempati lubang-lubang tanah dengan melarang umat Islam daripada membuang air kecil dan besar di dalamnya. Jika di kebanyakan Institusi Perguruan tinggi sama ada di Amerika mahupun Eropah mula memperkenalkan kurikulum mengenai *animal rights* (hak-hak haiwan), sebenarnya Rasulullah SAW telah jauh sebelum itu sudah menunjukkan dan menjadi teladan dalam hal ini.

Daripada penjelasan di atas, sedikit gambaran cinta daripada beberapa potongan ayat al-Quran dan hadis yang menggambarannya. Dari sini dapat dibuat kesimpulan bahawa cinta yang diajarkannya penuh akan nilai-nilai ilahiah yang menjadikannya peka terhadap masalah kemanusiaan, haiwan, tumbuhan dan lingkungan alam semesta. Inilah sesungguhnya elemen-elemen penting yang terkandung dalam konsep pendidikan cinta dalam Islam. Cinta yang terlalu tinggi terhadap ilahi sehingga dalam sebuah riwayat mengatakan sehingga pecah-pecah tumit Rasulullah dalam beribadah kepada Allah, tapi juga pada siang hari cinta itu baginda realisasikan dengan menebarkan kasih sayang yang seluas-luasnya kepada umat dan alam sekitarnya.

Pendidikan Cinta dalam Sistem Pendidikan Islam

Sebagaimana telah dijelaskan sebelum ini bahawa cinta dalam Islam dibina dalam tiga asas utama iaitu Iman, Islam dan Ihsan. Ketiga hal ini merupakan kandungan daripada konsep cinta. Tanpa unsur tersebut, perjalanan cinta tidak akan pernah sampai kepada kekasih sejati iaitu Allah SWT (*al-Wadud*). Dialah yang Maha mencintai, dengan cintaNya Allah SWT mengutus kekasihNya yang paling mulia iaitu Nabi Muhammad SAW sebagai rahmat seluruh alam (*rahmatan lil ‘alamin*) untuk menunjukkan bagaimana agungnya cintaNya kepada seluruh makhlukNya dan menunjukkan bagaimana seharusnya anugerah cinta itu dapat menjadi faktor yang boleh menjadikan manusia sebagai hambaNya (*‘Abdullah*) dan juga khalifah di muka bumi ini. Perkara ini dapat digambarkan dalam rajah seperti berikut



Rajah 1: Cinta dalam Islam (Chittick, 2014) p.229-238

Berdasarkan Rajah di atas, cinta dalam Islam sesungguhnya memiliki matlamat dan petunjuk yang jelas daripada Allah SWT iaitu melalui pengutusan nabiNya (*nubuwwah*). Oleh itu, jika ditinjau dalam pendidikan Islam, apa yang menjadi aspek penting dalam cinta sesungguhnya ia juga selari dengan aspek penting dalam pendidikan Islam. Dengan begitu Pendidikan cinta lebih mudah untuk dilaksanakan dalam sistem pendidikan Islam kerana ia telah sedia ada dalam mata pelajaran di sekolah atau madrasah seperti pendidikan akidah, pendidikan agama Islam dan pendidikan akhlak.

Pendidikan Akidah

Rasa cinta dalam diri manusia teramat luas kecenderungannya. Tanpa tuntutan akidah, cinta yang dikatakan memiliki berbagai kuasa dalam diri manusia, kemungkinan dapat memudaratkan dirinya. Maka cinta harus dibingkaikan dalam bingkai iman. Inilah perhubungan di antara pendidikan akidah dan pendidikan cinta. Pendidikan akidah diharapkan dapat mengawal rasa cinta sehingga cinta dapat disalurkan pada tempatnya. Akidah yang benar akan mengiringi cinta seseorang kepada cinta yang sebenar atau cinta sejatinya, iaitu mencintai Allah SWT dan rasulNya. Barulah cinta dapat melahirkan kuasa positif iaitu dapat menggambarkan keindahan Islam yang dijelmakan dalam diri setiap umat serta melalui pelbagai bentuk kehidupan seperti pengabdian ibadah, akhlak, adab dan sopan.

Mendidik manusia agar lebih mencintai Allah SWT merupakan matlamat tertinggi dalam pendidikan, kerana cinta kepadaNya adalah syarat mutlak keimanan seseorang. Perkara inilah yang menjadi tugas besar dalam pendidikan akidah. Berapa ramai mereka yang mengaku beriman kepada Allah tetapi tidak mampu untuk mengutamakan Allah dalam hatinya. Oleh itu, pentingnya pendidikan akidah bagi memastikan amalan cinta itu selari dengan keinginan Allah dan RasulNya. Akidah juga merupakan alat yang dapat mengesani emosi, perasaan dan jiwa (*wujudan*) tanpa sebarang syak dan keraguan (Al-Asmar, 2001)

Pendidikan Agama Islam

Belum boleh dikatakan seseorang itu mencintai Allah SWT sehingga ia mengikuti sunnah rasulullah SAW. Maka peranan Pendidikan agama Islam dalam hubungannya dengan pendidikan cinta adalah menerangkan bagaimana cinta itu dapat diimplementasikan dalam

bentuk mengikuti apa sahaja yang rasulullah SAW tunjukkan. Kerana melalui baginda, seluruh perintah dan larangan Allah SWT (syariat) diketahui. Oleh itu Rasulullah sebagai teladan terbaik dalam menunjukkan bagaimana cinta dan pengabdian seorang hamba kepada Allah SWT yang sebenar. Syaikh Muhammad bin Solah al-Utsaimin berkata “semakin kuat seseorang itu mengikuti rasulullah SAW, ketahuilah bahawa ia lebih hebat cintanya kepada Allah SWT (Al-'Utsaimin, 2016). Oleh itu, dalam hubung kait antara pendidikan cinta dan pendidikan agama Islam adalah seharusnya pendidikan agama Islam dapat menjelaskan apa sahaja yang menjadi kewajipan seorang hamba kepada tuhanNya dan bagaimana cara melaksanakan ibadah, sama ada wajib mahupun sunnah.

Pendidikan Akhlak

Akhlak merupakan buah dari pemahaman akidah yang benar dan pengamalan Islam yang menepati tuntutan Rasulullah SAW. Inilah hubung kait antara pendidikan cinta dan pendidikan akhlak, di mana tinggi rendah cinta seseorang kepada Allah dapat dilihat daripada sejauh mana ia mengamalkan sunnah-sunnah nabinya. Dapat juga dikatakan semakin mulia akhlak seseorang maka semakin ia dicintai oleh Allah SWT. Justeru, pendidikan akhlak dalam sistem pendidikan Islam seharusnya mampu memperkenalkan pelajar kepada tingkahlaku nabi yang menjadi teladan dalam segala sendi kehidupan. Pelajar tidak hanya mendapatkan maklumat mengenai sejarah nabi sahaja, tetapi juga melibatkan bentuk latihan dan disiplin yang perlu diaplikasikan dalam amalan kehidupan sehari-harian. Hal ini selari dengan pendapat pakar-pakar akhlak yang menyatakan bahawa akhlak boleh berubah melalui pendidikan, latihan, disiplin dan seumpamanya sama ada secara cepat atau lambat (Miskawayh, 1961; Gazali, 1933); & 'Ulwan, 1985). Oleh itu untuk memperolehi akhlak yang mulia dalam diri seseorang, ia perlu melalui proses pendidikan, diasuh, dididik dan dilatih. Maka hubung kait antara pendidikan akhlak dan pendidikan cinta adalah menjadikan manusia memperoleh cinta daripada Allah dan mewujudkan sifat ihsan kepada sesama.

Kesimpulan

Cinta memiliki kedudukan yang tinggi dalam Islam. Ia mengandungi iman bagi meluruskan hati kepada sesuatu yang paling berhak ia cintai. Ia juga memerlukan petunjuk dan bimbingan agar sampai pada destinasi cinta, dan itulah yang disebut Islam. Maka cinta yang menepati iman dan Islam akan menjadi kuasa yang mampu mewujudkan perdamaian, keadilan dan peradaban sebagaimana misi penciptaan manusia iaitu menjadi khalifah (wakil tuhan) dalam kempen kasih sayangnya kepada seluruh alam. Dengan merujuk kepada analisis terhadap literatur mendapati sesungguhnya telah wujud kajian-kajian mengenai pendidikan cinta dalam Islam. Walau bagaimanapun, penerapan dan pengajarannya masih terpisah, yang cuma diintegrasikan dalam mata pelajaran seperti pendidikan akidah, pendidikan agama Islam dan pendidikan Akhlak di pelbagai peringkat pendidikan di negara-negara Islam. Diharapkan pada masa hadapan pendidikan cinta dapat diformulasikan dalam satu kandungan pembelajaran yang menggabungkan tiga aspek iman, Islam dan Ihsan. Sehingga terwujudnya kuasa cinta seperti mana Rasulullah SAW yang mampu mengubah lembah yang tandus penuh kejahilan menjadi umat yang ber peradaban.

Rujukan

Al-Quran

'Ajibah, A. A. A. I. M. I. I. (2013). *al-Baḥr al-madīd fī tafsīr al-Qur'ān al-Majīd* (Volume 7). al-Riyāḍ : Markaz al-Turāth lil-Barmajīyāt.

'Ulwan, A. A. N. (1985). *Tarbiyat al-awlad fī al-Islam*. al-Qahirah: Dar al-Salam.

'Arabī, M. D. I. (1994). *al-Futūḥāt al-Makkiyya*. Beyrut : Dar'ul- Fikr.

- Abdin, A. S. (2004). Love in Islam. *European Judaism*, 37(1), 92–102.
- Abrahamov, B. (2013). *Divine love in Islamic mysticism: the teachings of al-Ghazâlî and al-Dabbâgh*. Routledge.
- Adams, M., & Bell, L. A. (2016). *Teaching for diversity and social justice*. Routledge.
- Al-'Utsaimin, M. bin S. (2016). *100 Faaidah*. Idarah Masjid Al-Ahmady: Kuwait.
- Al-Asmar, A. R. (2001). *An-Nabiyyu Al-Murabbi*. Irbit Jordan: Dar al-Furqan.
- al-Attas, S. M. N. (1979). *Aims and Objectives of Islamic Education*. London : Hodder and Stoughton.
- al-Baqi, M. F. A. (2001). *Mu'jam al-Mufahras li al-Fadhi Al-Quran*. al-Qahirah: Matba'at Dar al-Kutub al-Misriyah.
- Al-Buthy, S. R. (2009). *Al-Hub fi Al-Quran wa Daurul Hubb fi Hayat Al-Insan*. Dar al-Fikr: Damsik.
- Al-Ghazali, I. (2016). *Kimia Kebahagiaan; Imam Al-Ghazali: The Alchemy of Happiness; Kimia-i Sa'adat*. Shahih.
- al-Tabari, A. J. M. J. (1992). *Tafsir al-Tabari: al-musamma jami' al-bayan fi-ta'wil al-Qur'an*. Bayrut : Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- Avicenne, and E. L. F. (1943). *A Treatise on Love by Ibn Sina*. Toronto.
- Brooks, D. N. (2017). (Re) conceptualizing Love: Moving Towards a Critical Theory of Love in Education for Social Justice. *Journal of Critical Thought and Praxis*, 6(3), 7.
- Chittick, W. (2014). Love in Islamic thought. *Religion Compass*, 8(7), 229–238.
- Chittick, W. C. (2013). *Divine Love: Islamic Literature and the Path to God*. New Haven : Yale University Press.
- Darwîš, A.-'l-B. al-H. al-K. 'Adnân. (1974). *al- Kullîyât: Mu'ğam fi 'l-mustalahât wa-'l-furûq al-luğawîya*. Bairût : Mu'assasat ar-Risâla.
- Daylamî, A. H. A. M., Bell, J. N., & Shafie, H. M. A. L. A. (2006). *A Treatise on Mystical Love*. Edinburgh : Edinburgh University Press.
- Dossey, L. (1996). *What's love got to do with it?*
- Dr. Ja'far, M. A. (2016). *Gerbang Tasawuf: Dimensi Teoretis dan Praktis Ajaran Kaum Sufi*. Medan: Perdana Publishing.
- Fink, B. (2017). *Lacan on Love: An Exploration of Lacan's Seminar VIII, Transference*. United States: John Wiley & Sons.
- Freire, P. (2017). *Pedagogy of the Oppressed*. London: USA Penguin Books.
- Furstenberg Jr, F. F., Moore, K. A., & Peterson, J. L. (1985). Sex education and sexual experience among adolescents. *American Journal of Public Health*, 75(11), 1331–1332.
- Gazali, A. H. M. M. T. (1933). *Ihyâ' `ulûm al-dîn*. Al-Qahira: Matba'at al-'Utmaniya.
- Hamzah, R. K. (2006). *Kenapa perlu bercinta?* Pahang: PTS Millennia.
- Iqbal, M. (2013). *The Reconstruction of Religious Thought in Islam*. California: Stanford University Press.
- Iqbal, M., & Nicholson, R. A. (1950). *The Secrets of the Self*. Shaikh Muhammad Ashraf.
- Jenkins, C. (2017). *What Love Is: And What It Could Be*. New York: Hachette UK.
- Kamsan, S. A. (2004). Sikap remaja terhadap cinta dan hubungannya dengan prestasi akademik. *Latihan Ilmiah*. Universiti Kebangsaan Malaysia
- Lampert, K. (2003). *Compassionate education: A prolegomena for radical schooling*. University Press of Amer.
- Liddell, H. G., & Scott, R. (2015). *A lexicon abridged from Liddell and Scott's Greek-English lexicon*. Mansfield Centre, CT : Martino Publishing.
- Loreman, T. (2011). *Love as pedagogy*. Springer Science & Business Media.
- Love, P. G., & Love, A. G. (1996). *Enhancing Student Learning: Intellectual, Social, and Emotional Integration*. *ERIC Digest*.

- Lumbard, J. E. B. (2007). From Ḥubb to 'Ishq: The Development of Love in Early Sufism. *Journal of Islamic Studies*, 18(3), 345–385.
- Maatta, K., & Uusiautti, S. (2013). Pedagogical love and good teacherhood. In *Many Faces of Love* (pp. 93–101). Brill Sense.
- Madkur, I. (1988). *Filsafat Islam: metode dan penerapan*. Jakarta : Rajawali.
- McClelland, D. C. (1986). Some reflections on the two psychologies of love. *Journal of Personality*, 54(2), 334–353.
- Miskawayh, A. M. I. (1961). *Tahdhib al-akhlaq*. Bayrut: Dār maktabat al-Ḥayāh.
- Munhanif, A. (2001). *Mutiara terpendam: perempuan dalam literatur Islam klasik*. Jakarta : Gramedia.
- Munir, M. A. (2017). Rekonstruksi Pendidikan Islam (Studi Kritis Filsafat Pendidikan Islam Muhammad Iqbal). *El Tarbawi*, 10(1).
- Mushtaq, G. (2006). *The Intelligent Heart, the Pure Heart: An Insight Into the Heart Based on the Qur'an, Sunnah and Modern Science*. Ta-Ha.
- Ni'am, S. (2001). *Cinta Ilahi, Perspektif Rabi'ah Al-Adawiyah Dan Jalaluddin Rumi*. Surabaya: Risalah Gusti.
- Nygren, A. (1953). *Agape and Eros. Translated by Philip S. Watson*. Philadelphia : Westminster Press.
- Othman, Z. A., Ahmad, R., Othman, U. N. A., & Muda, Z. (2016). Remaja Bercinta: Kajian Terhadap Tiga Jenis Sekolah Menengah Kebangsaan, Agama Dan Agama Swasta (Teenagers Love: Research on the Three Types of Secondary School, National, Religious, and Private Religious School). *Jurnal Hadhari: An International Journal*, 8(1), 187–210.
- Patience, A. (2008). The art of loving in the classroom: A defence of affective pedagogy. *Australian Journal of Teacher Education (Online)*, 33(2), 55.
- Qorib, M. (2018). Teologi Cinta [Implementasi Doktrin Islam di Ruang Publik]. *Kumpulan Buku Dosen*, 1(1).
- Shamsuddin, A. A. (2005). Hubungan Cinta Dalam Kalangan Remaja: Satu Tinjauan Kes Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Abd Aziz Shah Kajang. *Latihan Ilmiah. Universiti Malaya*.
- Sholikhin, K. H. M. (2013). *Islam Rahmatan Lil`Alamin*. Jakarta: PT Elex Media Komputindo.
- Talib, J., Yunos, N., & Yaacob, S. N. B. M. (2009). Characteristic of Pregnant Girls and Men Who Fathered Their Children. *Unpublished Research Report. Pusat Pengajian Umum Universiti Kebangsaan Malaysia*.
- Uusiautti, S., Määttä, K., & Määttä, M. (2013). Love-based Practice in Education. *International Journal about Parents in Education*, 7(2).
- Zahrin, S. N. A. B. U., Osman, H., & Idris, F. (2016). Konsep Cinta Muslim, Personaliti dan Akhlak Percintaan dalam Kalangan Belia Muslim (The Concept of Muslim Love, Personality and Love Manners among the Muslim Youth). *Malim: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara (SEA Journal of General Studies)*, 17.